



**EGAT**

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/01/14\_01 (HQ)

### **TNB, EDL DAN EGAT PERKUKUH GRID KUASA ASEAN MELALUI *ENERGY WHEELING AGREEMENT* FASA 2 DI BAWAH LTMS-PIP 2.0**

Tenaga Nasional Berhad (TNB), Electricite Du Laos (EDL) dan Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT), hari ini menandatangani *Energy Wheeling Agreement* Fasa 2 (EWA Fasa 2) di bawah Projek Integrasi Kuasa Lao PDR-Thailand-Malaysia-Singapore Fasa 2 (LTMS-PIP 2.0) bagi memudah cara pembekalan tenaga boleh baharu sehingga 100 megawatt (MW) dari Lao PDR ke Singapura, dengan Thailand dan Malaysia bertindak sebagai penghantar tenaga (*energy wheeler*).

EWA Fasa 2 akan terus memperkukuh kerjasama tenaga dalam kalangan negara ASEAN sebagaimana digariskan di bawah inisiatif Grid Kuasa ASEAN (APG), serta mempercepatkan agenda peralihan tenaga rantau ini dengan membolehkan integrasi tenaga bersih yang lebih besar di dalam sistem kuasa ASEAN yang saling terhubung.

Perjanjian terbaharu ini melengkapkan pelaksanaan penuh LTMS-PIP 2.0, meningkatkan jumlah kapasiti dagangan elektrik daripada 100 MW kepada sehingga 200 MW, dengan bekalan tenaga tambahan disalurkan dari Malaysia ke Singapura. Perjanjian dua tahun ini membolehkan penjualan, penghantaran dan pembelian elektrik yang dijana di Lao PDR ke Singapura melalui Thailand dan Malaysia menggunakan kemudahan rangkaian grid sedia ada di negara masing-masing.

Majlis pemeteraian perjanjian ini telah diadakan di Ibu Pejabat EGAT di Nonthaburi, Thailand dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah Urusan EDL, Souksavart Sosouphanh; Gabenor EGAT, Dr. Narin Phoawanich; dan Ketua Pegawai Grid TNB, Hasmarizal Hassan. Majlis turut dihadiri Setiausaha Tetap Kementerian Tenaga Thailand, Dr. Prasert Sinsukprasert; Ketua Pengarah Jabatan Dasar, Perancangan, Pembangunan dan Penilaian, Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Lao PDR, Santisouk Phimpachanh; dan Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia, Mareena Mahpudz.

Turut hadir ialah Timbalan Pengarah Undang-Undang – Jabatan Perjanjian EDL, Chittasone Nanthalath; Timbalan Gabenor – Operasi Sistem Penghantaran EGAT, Sanay Treekhan; dan Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Pemegang Taruh TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad.

Souksavart berkata: “EDL berbesar hati untuk meneruskan kejayaan LTMS-PIP. Sebagai perintis dalam pembekalan tenaga bersih ke rantau ASEAN melangkaui negara jiran, kami berbangga menjadi aset dalam merealisasikan APG. Kami berharap projek ini akan memajukan visi APG dan kami menantikan agar lebih banyak negara terlibat demi menyokong keselamatan tenaga bersih serantau dan pembangunan mampan.”

S.A. 2026/01/14\_01 (HQ)

Narin berkata: “Pemeteraian EWA Fasa 2 menandakan satu langkah penting ke arah merealisasikan visi APG dan merupakan satu kemajuan strategik dalam kerjasama tenaga serantau antara Lao PDR, Thailand, Malaysia dan Singapura. Dengan meningkatkan kapasiti perdagangan tenaga elektrik rentas sempadan, kita memperkukuh keselamatan tenaga serantau melalui perkongsian sumber bagi memenuhi permintaan tenaga Asia Tenggara yang semakin meningkat, di samping meningkatkan daya tahan grid dan mempercepatkan peralihan tenaga di rantau ini.

Tambahnya: “Dengan menyokong pembangunan APG, EGAT kekal komited untuk membekalkan tenaga elektrik yang berdaya harap dan mampan dari Lao PDR ke Singapura bagi memudah cara perdagangan elektrik rentas sempadan, menyokong usaha serantau ke arah sistem kuasa rendah karbon dan saling terhubung, serta mempromosikan pertukaran tenaga serantau dan inisiatif perdagangan kuasa pelbagai hala bersama negara-negara anggota ASEAN.”

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan, menyatakan bahawa EWA Fasa 2 menandakan satu lagi pencapaian penting dalam memajukan agenda APG, memperkukuh tadbir urus pelbagai hala dalam kalangan negara anggota ASEAN dan seterusnya mempromosikan perdagangan elektrik rentas sempadan di rantau ini.

“Sebagai pemain utama dalam APG, TNB kekal komited untuk mempertingkatkan keselamatan tenaga serantau sambil menerajui agenda peralihan tenaga. Malaysia telah secara konsisten menyatakan komitmennya untuk memperkukuh kerjasama tenaga di rantau ini. Dalam hal ini, TNB akan terus memberikan sokongan penuh kepada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dalam memajukan visi landskap tenaga ASEAN yang saling terhubung dan kukuh,” tambah Megat Jalaluddin.

Pada September 2024, TNB telah memeterai Perjanjian Bekalan Tenaga (ESA) dengan Keppel Electric Pte. Ltd. bagi membekalkan elektrik ke Singapura di bawah fasa pertama LTMS-PIP 2.0. EWA Fasa 2 mengukuhkan lagi kerjasama ini dengan menyediakan rangka kerja *wheeling* yang diperlukan untuk membolehkan penghantaran tenaga boleh baharu merentas sempadan secara selamat, sekali gus mengukuhkan usaha kolektif ASEAN ke arah peralihan tenaga, kelestarian dan daya tahan tenaga jangka panjang.

\*\*\*\*\*

### **Mengenai Electricite Du Laos (EDL)**

Electricité Du Laos (EDL) ialah syarikat utiliti milik kerajaan yang bertanggungjawab ke atas penjanaan, penghantaran dan pengagihan elektrik di seluruh Laos. Ditubuhkan pada 18 Disember 1961, EDL kini beroperasi di bawah Kementerian Industri dan Perdagangan. EDL merupakan tunjang kepada pembangunan sosioekonomi negara dengan fokus menyediakan bekalan elektrik yang boleh dipercayai, stabil dan mampu milik bagi meningkatkan daya saing industri tempatan. Selain perkhidmatan domestik, EDL juga mengurus eksport elektrik Laos, menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara dan kestabilan tenaga serantau.

**Mengenai Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT)**

EGAT ialah sebuah syarikat milik kerajaan di bawah penyeliaan Kementerian Tenaga dan Kementerian Kewangan. Di bawah Model *Enhanced Single Buyer* (ESB), EGAT diberi kuasa sebagai pembekal elektrik dominan dan pembeli tunggal elektrik. Misi utama EGAT merangkumi penjanaan, perolehan dan penjualan elektrik kepada Metropolitan Electricity Authority (MEA), Provincial Electricity Authority (PEA), beberapa pelanggan langsung mengikut undang-undang serta negara jiran. EGAT juga bertanggungjawab terhadap perniagaan berkaitan lain seperti yang diperuntukkan di bawah Akta EGAT. Layari [www.egat.co.th](http://www.egat.co.th) untuk maklumat lanjut.

**Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3 GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 September 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Januari 2026, jam 5:30 petang**

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi:*

*EDL*

*Relation and Cooperation Division*

[edlmdo@edl.com.la](mailto:edlmdo@edl.com.la)

*EGAT*

*Corporate Communication and Public Relations Division*

[PRDbrandcomm@egat.co.th](mailto:PRDbrandcomm@egat.co.th)

*TNB*

*TNB Group Corporate Communications*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)

**KAPSYEN FOTO**


**PHOTO 1**



**KAPSYEN:**

*Energy Wheeling Agreement Fasa 2* antara TNB, EDL and EGAT telah dimeterai dalam satu majlis di Ibu Pejabat EGAT di Nonthaburi, Thailand hari ini, dihadiri oleh (duduk, dari kiri) Timbalan Pengarah Urusan EDL, Souksavart Sosouphanh; Gabenor EGAT, Dr. Narin Phoawanich; dan Ketua Pegawai Grid TNB, Hasmarizal Hassan.

**PHOTO 2**



**KAPSYEN:**

*Energy Wheeling Agreement* Fasa 2 antara TNB, EDL and EGAT telah dimeterai dalam satu majlis di Ibu Pejabat EGAT di Nonthaburi, Thailand hari ini, dihadiri oleh (duduk, dari kiri) Timbalan Pengarah Urusan EDL, Souksavart Sosouphanh; Gabenor EGAT, Dr. Narin Phoawanich; dan Ketua Pegawai Grid TNB, Hasmarizal Hassan. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga) Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Mareena Mahpudz (berdiri, dua dari kanan).